



“KINI MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT”

**NOTIS PEMBERITAHUAN
PEMBUKAAN SEMULA PASAR MALAM / PAGI
SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

**AKAN DIBUKA MULAI
15 JUN 2020 (ISNIN)
SECARA BERPERINGKAT**

SILA AMBIL PERHATIAN MPKL akan membuka semula aktiviti perniagaan pasar malam / pagi secara berperingkat dan jadual di bawah adalah tarikh pembukaan 3 pasar malam, masa operasi dan syarat-syarat pasar malam / pagi seperti berikut :-

BIL.	NAMA PASAR MALAM / PAGI	HARI	MASA OPERASI
1	Pasar Malam Banting	ISNIN 15/6/2020	3.00 petang – 8.00 malam
2	Pasar Malam Tg Sepat	SELASA 16/6/2020	3.00 petang – 8.00 malam
3	Pasar Malam BSP (SP 8/1)	RABU 17/6/2020	3.00 petang – 8.00 malam

Manakala lain-lain pasar malam / pagi di bawah pengurusan MPKL **TIDAK DIBENARKAN OPERASI LAGI** sehingga dimaklumkan kelak berkenaan tarikh pembukaan pasar malam / pagi.

Setiap peniaga **dikehendaki mendaftar dan mengambil surat kebenaran (Pas) berniaga pasar malam / pagi semasa PKPP.**

(Nota: MPKL akan membuka kaunter pendaftaran di tapak pasar malam / pagi dan sila bawa Lesen Perniagaan Tahun 2020)

Bagi operasi pasar malam / pagi setiap peniaga dan pengunjung perlu mematuhi SOP Majlis Keselamatan Negara seperti di **lampiran 1**.

**ARAHAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**

**SYARAT – SYARAT PEMBUKAAN PASAR MALAM / PAGI
BERDASARKAN SOP MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN)**

1. Pengunjung

- 1.1 MPKL akan **mengawal pintu masuk dan keluar** serta **kawalan bilangan pengunjung** dan **perimeter tapak** niaga pasar malam / pagi.
- 1.2 **Penjarakan** antara gerai peniaga **minimum adalah 8 kaki**.
- 1.3 MPKL akan menjalankan **saringan suhu badan, hand sanitizer** dan **pengunjung diwajibkan menggunakan topeng muka** (face mask)
- 1.4 Peniaga / pengunjung yang mempunyai **gejala (batuk & selsema) atau suhu badan melebihi 37.5 c** tidak dibenarkan sama sekali **memasuki tapak pasar malam / pagi**.
- 1.5 Pergerakan pengunjung adalah **secara sehala sahaja** dan tempoh berada dihadkan **30 minit bagi setiap pengunjung**.
- 1.6 Pengunjung dikehendaki mendaftar dalam **aplikasi SELANGKAH** bagi tujuan *contact tracing*.
- 1.7 **Tiada permohonan baru** bagi lesen pasar malam / pagi semasa PKPP.
- 1.8 Pengunjung mestilah **berumur 13 tahun ke atas** sahaja.
- 1.9 Hanya **2 orang bagi satu keluarga** sahaja dibenarkan masuk ke kawasan pasar.

2. Peniaga / Pekerja

- 2.1 Setiap peniaga dikehendaki **mendaftar dan mengambil surat kebenaran** berniaga pasar malam / pagi semasa PKPP.
(Nota: MPKL akan membuka kaunter pendaftaran di tapak pasar malam / pagi)
- 2.2 MPKL telah menetapkan **bil. petak dan bil. peniaga pasar malam / pagi semasa PKPP** berdasarkan jenis perniagaan seperti di bawah :-

Jenis Perniagaan	Bil Petak Dibenarkan	Bil Peniaga / Pembantu
Makanan / Minuman	1	2
Pakaian / Barang Am	2	3
Barang Basah / Sayuran / Buah-Buahan	2	3

- 2.3 Peniaga / pembantu **diwajibkan memakai mask**.
- 2.4 Konsep jualan dibenarkan **secara bungkus (take away)** sahaja.
- 2.5 Peniaga perlu menyediakan **plastik sampah** dan **diwajibkan membersihkan tapak niaga** sebelum keluar dari tapak niaga pasar malam / pagi.
- 2.6 Menjaga kebersihan diri dan tapak niaga adalah baik setiap waktu.
- 2.7 Saiz khemah niaga **dibenarkan adalah 8'x8'** sahaja.
- 2.8 Peniaga **dilarang menggunakan khidmat warganegara asing** dalam aktiviti perniagaan.